

## 99 Speedmart Sumbang Hamperbox Untuk Bantu Golongan B40



**PUTRAJAYA, 6 MEI 2020** - Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi berkata, inisiatif yang diambil oleh pihak 99 Speed Mart adalah satu langkah yang progresif dalam usaha membantu masyarakat dalam menyambut Ramadan dan membuat persiapan untuk Hari Raya nanti.

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang memasuki fasa keempat ini sudah tentunya sedikit sebanyak memberi kesan kepada rakyat terutama golongan B40 ini.

"Langkah ini perlu menjadi contoh dan diteladani pihak-pihak lain dalam mempraktikkan langkah kongsi rezeki dengan mereka yang memerlukan. Langkah 99 Speedmart ini seharusnya menjadi inspirasi dan memberi idea kepada pihak-pihak lain untuk turut serta menyumbang kepada negara dan masyarakat amnya," katanya.

Beliau berkata, kementerian juga menggalakkan semua pemain Industri untuk sama-sama menyertai Program Tanggungjawab Sosial (CSR) sama ada dalam bentuk bantuan kewangan, barangan keperluan, infrastruktur, peluang pekerjaan ataupun pendidikan.

"Semoga budaya tolong-menolong dan bantu membantu seperti ini dapat dilestarikan sepenuhnya dalam kehidupan masyarakat Malaysia di norma baharu pasca Covid-19 ini," katanya.

Dato' Alexander berkata demikian di majlis penyerahan sumbangan sebanyak 5,000 unit kotak hamper (hamperbox) oleh Syarikat 99 Speedmart Sdn Bhd di sini, hari ini. Sumbangan disampaikan Pengarah Eksekutifnya, Ng Lee Teng. Kotak-kotak hamper ini akan diedarkan ke negeri-negeri.

"Usaha dan komitmen daripada 99 Speed Mart Sdn. Bhd. membuktikan pihak pasaraya prihatin dalam melaksanakan tanggungjawab sosial kepada golongan B40," tambahnya.

Hadir sama, Timbalan Menteri KPDNHEP, Dato' Haji Rosol Wahid, Ketua Setiausaha, Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam Haji Ahmad dan pengurusan tertinggi kementerian.

Oleh : Unit Komunikasi Korporat KPDNHEP